

08/08/1997

Mengukuh perpaduan serantau

SEKALIPUN sambutan ulang tahun ke-30 Asean hari ini agak sederhana disebabkan impian pemimpin dan rakyat Asia Tenggara melihat semua 10 negara rantau ini berada di bawah payung Asean tidak kesampaian, kita gembira kerana perkembangan di Kemboja menunjukkan tanda positif yang memberi harapan bahawa impian itu akan termakbul jua dalam tempoh terdekat. Kita berharap Kemboja diterima sebagai anggota ke-10 Asean sebelum akhir tahun ini, sekali gus membolehkannya bersama-sama menyertai Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean di Kuala Lumpur.

Kita percaya langkah Dewan Perhimpunan Kebangsaan Kemboja yang meluluskan pencalonan Menteri Luar, Ung Huot sebagai Perdana Menteri Pertama bagi menggantikan Norodom Ranariddh, adalah pembuka laluan kepada masa depan gemilang bukan saja kepada 10 juta rakyat negara itu tetapi juga 500 juta penduduk Asia Tenggara. Kita melihat krisis di Kemboja sebagai bersifat sejagat, yang bukan saja memberi kesan kepada rakyat negara itu tetapi juga penduduk negara lain. Sebagai contoh, konflik terbaru negara itu menyebabkan pelabur Malaysia kerugian kira-kira RM80 juta. Ini membuktikan sebarang perkembangan di sana turut ditanggung oleh jiran serantaunya.

Berdasarkan ini, adalah menjadi harapan kita supaya Ung Huot dan Perdana Menteri Kedua, Hun Sen dapat menunaikan tanggungjawab secara lebih berkesan bagi memastikan Kemboja kembali aman, seterusnya seiring dengan negara anggota Asean bagi membangunkan Asia Tenggara agar setanding atau lebih maju daripada bahagian lain dunia. Kepada kita pemimpin silih berganti tetapi kebajikan rakyat tidak dapat ditukar ganti. Dalam tempoh terdekat ini rakyat Kemboja menyaksi dan mengalami sendiri penderitaan disebabkan kerakusan pemimpin yang gila kuasa seperti Lon Nol dan Pol Pot. Kita tidak mahu tragedi pembunuhan dua juta penduduk seperti yang berlaku ketika Pol Pot berkuasa berulang, sebaliknya mahu melihat rakyat Kemboja bersama-sama menikmati pembangunan dan kemajuan yang melanda rantau ini selepas beratus-ratus tahun berada dalam cengkaman penjajah.

Salah satu cara bagi membolehkan rakyat Kemboja bersama-sama menikmati kemakmuran rantau ini ialah penyertaan negara mereka dalam Asean yang pada ulang tahunnya yang ke-30, dilihat sebagai satu perkumpulan paling padu di dunia seperti ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kemboja tidak boleh hidup terasing dan terus berada dalam keadaan lemah disebabkan konflik dalamannya kerana sejarah membuktikan bahawa sesebuah negara lemah itu akan menjadi mangsa kepada negara lebih kuat. Kita tidak mahu kuasa besar mempunyai alasan atau diberi kesempatan sekali lagi untuk campur tangan dalam hal ehwal Kemboja kerana ini akan hanya mendekatkan jiran-jirannya ke jurang kehancuran.

Kita berpendapat persoalan sama ada Asean memerlukan Kemboja atau Kemboja memerlukan Asean seperti yang disuarakan oleh pemimpin Phnom Penh tidak seharusnya timbul kerana sepanjang sejarah sejak penubuhannya pada 8 Ogos 1967 di Bangkok, Asean membuktikan bahawa ia adalah payung kesatuan semua anggota tanpa mengira ideologi sesebuah negara itu. Asean berupaya mengatasi gambaran masa depan yang gelap pada awal penubuhannya untuk muncul menjadi satu daripada kumpulan paling disegani. Kita percaya Asean dan Kemboja saling perlu-memerlukan bagi membolehkan penduduk rantau ini seiring jalan menghadapi cabaran alaf baru. Berdasarkan ini, kita percaya langkah Asean untuk mengkaji peranan pertubuhan itu seterusnya di Kemboja seperti disuarakan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi,

adalah pendekatan terbaik selepas misi khasnya yang diketuai oleh Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas, mengadakan pertemuan dengan Hun Sen, Sabtu lalu.

Dalam pertemuan itu, Hun Sen menunjukkan sikap positif dan berdasarkan ini, kita percaya Mesyuarat Khas Menteri Luar Asean di Singapura pada Isnin ini akan menghasilkan satu keputusan menggalakkan selepas Dewan Perhimpunan Kebangsaan Kemboja meluluskan pencalonan Ung Huot sebagai Perdana Menteri Pertama. Sekalipun bukan dasar Asean untuk campur tangan dalam urusan dalaman sesebuah negara termasuk Kemboja, kita percaya pertubuhan serantau itu akan melakukan yang terbaik bagi memastikan keamanan berkekalan di negara Indochina itu. Ini kerana keamanan di Kemboja bukan saja memberi manfaat kepada rakyat negara itu, malah memastikan kesinambungan kestabilan rantau Asia Tenggara dan sejagat.

(END)